



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 15 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **54 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **7,400 kes** (87.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 15 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **41 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,494 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 973 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 41 kes baharu yang dilaporkan, tiga (3) kes adalah kes import warganegara yang mendapat **jangkitan di luar negara**. Daripada 38 kes **penularan di dalam negara**, 32 kes

adalah bukan warganegara manakala enam (6) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.

Bagi kes jangkitan dalam negara (32 kes) di kalangan bukan warganegara adalah seperti berikut:

- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: satu (1) kes saringan tempat kerja oleh majikan, iaitu sebuah syarikat mengendalikan pekerja pembersihan;
- Negeri Sembilan – 31 kes:
 - 14 kes di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson di mana kes-kes adalah merupakan Orang Kena Tahan (OKT) yang dipindahkan ke sana daripada Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil;
 - 15 kes Kluster Pedas;
 - Dua (2) kes Kluster Syarikat Pembersihan;

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (6 kes) pula adalah seperti berikut:

- Selangor – dua (2) kes:
 - Satu (1) kes *Acute Respiratory Infection (ARI)* di sebuah pusat jagaan warga emas di Kuala Selangor yang telah dikesan di Hospital Tanjung Karang, Selangor;
 - Satu (1) kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (kes ke-8294);
- Melaka: dua (2) kes:
 - Satu (1) kes kontak rapat kepada kes positif COVID-19 (ke-7817);

- Satu (1) kes saringan sekolah atau madrasah Tahfiz;
- Negeri Sembilan: satu (1) kes saringan madrasah atau sekolah Tahfiz;
- Sabah: Satu (1) kes kontak rapat kepada kes kematian ke-119 (iaitu kes ke-8403)

Sehingga kini, sebanyak empat (4) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Tiada kes yang memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak **121 kes** (1.42 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

KLUSTER COVID-19 RUMAH PENJAGAAN WARGA EMAS DI KUALA SELANGOR

Kluster ini dikenalpasti apabila terdapat kes positif yang ketiga di kalangan penghuni di sebuah pusat penjagaan warga emas di Kuala Selangor. Sehingga kini terdapat tiga (3) kes positif bagi pusat penjagaan warga emas ini.

Dua (2) kes telah didapati positif COVID-19 pada 17 Mei 2020 hasil daripada saringan pusat penjagaan warga emas. Pada ketika ini, seramai 12 kakitangan dan 26 penghuni tersebut telah disaring. Keputusan kesemua kakitangan dan 24 penghuni yang lain adalah negatif.

Setelah hampir sebulan kemudian, kes ketiga ini pula didapati positif COVID-19 daripada saringan *Severe Acute Respiratory Illness (SARI)* apabila dimasukkan ke wad Hospital Tanjung Karang pada 13 Jun 2020. Ini merupakan saringan kali kedua bagi beliau (negatif pada saringan kali pertama semasa saringan pusat penjagaan warga emas). Pengesanan kes secara aktif sedang dijalankan dan langkah-langkah pencegahan turut diambil termasuk nyah kuman dan nyah cemar.

FUNGSI APLIKASI MYSEJAHTERA TERUS DITAMBAH BAIK

Aplikasi MySejahtera telah dilancarkan pada 20 April 2020 oleh YB Menteri Kesihatan dan setelah lapan (8) minggu aplikasi ini beroperasi, seramai 3,692,287 orang telahpun mendaftar serta menggunakan aplikasi ini. Aplikasi ini mempunyai pelbagai ciri dan fungsi. Antara fungsi MySejahtera yang paling banyak digunakan oleh pengguna adalah:

- *hotspot tracker*;
- penilaian sendiri;
- statistik terkini bagi COVID-19 di Malaysia, negara-negara ASEAN dan juga seluruh dunia;

MySejahtera *Check-In* adalah fungsi terbaharu yang diperkenalkan secara rintis pada 1 Jun 2020 dan telah digunakan secara meluas mulai 6 Jun 2020. Fungsi ini telah mendapat sambutan hangat, di mana dalam masa hanya 13 hari sebanyak 119,837 premis

perniagaan telah mendaftar untuk *QR code* dan sebanyak 10,006,857 *check-ins* dicatat dari seluruh Negara.

Fungsi MySejahtera *Check-In* adalah berkonsepkan “*Simple, Safe and Secure*”:

- **Simple** atau senang digunakan iaitu tiada lagi borang manual yang perlu diisi. Pengguna aplikasi hanya perlu mengimbas *QR Code* melalui aplikasi ini dan terus masuk ke premis tersebut;
- **Safe** atau selamat, di mana ia dapat mengurangkan risiko jangkitan melalui sentuhan permukaan kerana tidak perlu berkongsi alat tulis dan mengurangkan tempoh menunggu memasuki premis;
- **Secure** di mana maklumat dan informasi daripada pengguna dilindungi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), dan hanya akan digunakan untuk pengesanan kontak jika diperlukan.

Ciri aplikasi MySejahtera yang paling popular di kalangan pengguna adalah *hotspot tracker* yang telah digunakan sebanyak 13.3 juta kali sejak pelancaran aplikasi ini.

Bagi yang belum memuat turun aplikasi MySejahtera, KKM mengalukan orang ramai berbuat demikian untuk menggunakan fungsi-fungsi penting aplikasi ini, misalnya:

- *Hotspot tracker* boleh digunakan untuk merancang pergerakan yang boleh membantu pengguna mengelakkan kawasan Zon Merah;

- Penilaian risiko kesihatan untuk tanggungan (misalnya ibubapa dan anak) boleh dilaksanakan dengan mudah;
- Penilaian sendiri boleh dijalankan dari semasa ke semasa dan lain-lain lagi.

Aplikasi ini telah menjadi satu pencapaian yang boleh dibanggakan demi merealisasikan proses digitalisasi kesihatan di Malaysia.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Orang awam secara amnya juga sentiasa diingatkan untuk sentiasa mengamalkan nasihat kesihatan yang kerap kali diingatkan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;

- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM ingin memaklumkan bahawa hari ini merupakan hari terakhir sidang akhbar KKM bersiaran secara langsung setiap hari. Mulai minggu ini, sidang akhbar hanya akan dibuat tiga (3) kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

15 Jun 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 15 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	257
SELANGOR	2	1,998
NEGERI SEMBILAN	32	989
MELAKA	2	255
JOHOR	3 (3)	683
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	1	359
SARAWAK	0	557
W.P. KUALA LUMPUR	1	2,415
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	41 (3)	8,494

*() adalah merujuk kepada kes-kes import